

JABATAN PERKHIDMATAN
AWAM,
MALAYSIA,
TINGKAT 9-14, BANGUNAN
U.M.B.C.,
JALAN SULAIMAN,
KUALA LUMPUR 01-33
28hb. Januari, 1975.

SURAT PEKELILING PERKHIDMATAN BIL: 1 TAHUN 1975

Kedudukan jawatan dan penyandang jawatan Pekerja Setor di dalam Perkhidmatan Kerajaan

Tujuan Surat Pekeliling ini ialah untuk menjelaskan kedudukan jawatan penyandang jawatan Pekerja Setor dalam Perkhidmatan Kerajaan. Jawatan Pekerja Setor (Storeman) telah ujud sebelum pelaksanaan Laporan Suruhanjaya Gaji Suffian bersama-sama dengan jawatan Penyelenggara Setor (Storekeeper) Kedua-dua jawatan tersebut berada di dalam dua sekim perkhidmatan yang berlainan dan juga dalam kumpulan yang berlainan. Sebelum Suffian jawatan Pekerja Setor adalah jawatan dalam Bahagian IV manakala jawatan Penyelenggara Setor adalah jawatan dalam Bahagian III.

2. Berikutan dengan Lapuran Suruhanjaya Gaji Suffian, kedua-dua perkhidmatan Pekerja Setor dan Penyelenggara Setor itu telah disusun semula. Melalui [Pekeliling Perkhidmatan Bil. 6 Tahun 1970](#), Pekerja Setor telah diberi tanggagaji bersih \$180x10-200/215x15-245/260x15-290, dan melalui [Pekeliling Perkhidmatan Bil. 7 Tahun 1970](#) pula, jawatan Penyelenggara Setor digredkan semula seperti berikut (nama-nama jawatan dalam kurungan adalah nama-nama baru mengikut sekim perkhidmatan baru bagi Penyelenggara Setor):-

<u>Tingkatan</u>	<u>Tanggagaji</u>
Penyelenggara Setor Rendah (Penyelenggara Muda Setor)	\$180x10-200/215x15-290
Penyelenggara Setor (Penyelenggara Setor Tingkatan IV)	\$220x15-250/275x25-500
Penyelenggara Setor Kanan (Penyelenggara Setor Tingkatan III)	\$400x25-700
Ketua Penyelenggara Setor (Penyelenggara Setor Tingkatan II)	\$600x25-800
Ketua Penyelenggara Setor Tingkatan Khas (Penyelenggara Setor Tingkatan I)	\$840x40-1,000

3. Mengikut [Pekeliling Perkhidmatan Bil. 24 Tahun 1974](#) tanggagaji Penyelenggara Setor adalah disusun sekali lagi dan dengan itu juga jawatan-jawatan yang berkenaan digredkan semula seperti berikut :-

Penyelenggara Setor Rendah	\$180x10-200/215x15-290
Penyelenggara Setor Tingkatan Biasa	\$220x15-250/275x25-375/ 400x25-550/575x25-705
Penyelenggara Setor Kanan	\$600x25-800
Penyelenggara Setor Tinggi	\$840x40-1,000

4. Tugas-tugas dan tanggungjawab kedua-dua jawatan, iaitu jawatan Pekerja Setor dan jawatan Penyelenggara Setor Rendah, adalah sama sahaja. Oleh hal yang demikian memandangkan penyusunan baru dan perkembangan ke atas sekim perkhidmatan Penyelenggara Setor maka nyatalah bahawa pengambilan baru untuk mengisi jawatan Penyelenggara Setor Rendah adalah lebih menguntungkan jika dibandingkan dengan pengambilan untuk mengisi jawatan Pekerja Setor. Bahkan Ketua-ketua Jabatan tidak lagi membuat permohonan untuk mewujudkan jawatan-jawatan Pekerja Setor yang baru. Daripada kedudukan yang tersebut di atas yang didapati pada masa ini, perkhidmatan Pekerja Setor adalah merupakan suatu perkhidmatan yang jumud.
5. Oleh hal yang demikian Ketua-ketua Jabatan adalah dikehendaki tidak lagi mengambil calon-calon untuk mengisi jawatan-jawatan Pekerja Setor. Semua jawatan-jawatan Pekerja Setor hendaklah ditukar namanya menjadi jawatan Penyelenggara Setor Rendah dan pengambilan baru hendaklah dibuat bagi mengisi jawatan-jawatan Penyelenggara Setor Rendah dalam sekim perkhidmatan Penyelenggara Setor sahaja. Tindakan menukarkan nama-nama jawatan tersebut hendaklah diuruskan, bagaimana biasa, dengan Jabatan ini (Bahagian Perjawatan, Cawangan Anggaran) dan Perbendaharaan Malaysia.
6. Pekerja-pekerja Setor yang sedang berkhidmat akan digelar sebagai Penyelenggara Setor Rendah dan mereka adalah dengan ini tertakluk sepenuhnya kepada syarat-syarat yang dibekalkan dalam sekim perkhidmatan Penyelenggara Setor. Ketua-ketua Jabatan adalah dikehendaki membuat catitan yang sewajarnya dalam buku perkhidmatan pegawai-pegawai yang berkenaan.
7. Ketua-ketua Jabatan adalah diharapkan dapat menyampaikan kandungan Surat Pekeliling ini ke pengetahuan pegawai-pegawai yang berkenaan dan mengambil tindakan yang sewajarnya berhubung dengan penukaran nama jawatan-jawatan Pekerja Setor yang kosong itu.

Saya yang menurut perintah,

(ABDUL RAHMAN BIN HJ. AHMAD)
Bahagian Perjawatan,
b.p. Ketua Pengarah Perkhidmatan
Awam,
Malaysia.

Semua Ketua-ketua Setiausaha Kementerian
Semua Ketua-ketua Jabatan
Semua Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri-negeri Semenanjung Malaysia

s.k. Setiausaha,

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam,

Jalan Young,

Kuala Lumpur.